

Malaysia jelajah Antartika

1988

berazam

KUALA LUMPUR 31 Jan. — **Malaysia akan menghantar satu rombongan penjelajahan ke Benua Antartika untuk membuat penyelidikan saintifik dan bagi menunjukkan bahawa wilayah itu adalah milik semua.**

Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang mengumumkan demikian berkata, walaupun terdapat kuasa-kuasa tertentu yang menganggap Antartika milik mereka, Malaysia tetap akan menghantar ekspedisinya ke situ.

"Kita tidak mengakui pemilikan mereka kerana ia sebenarnya Antartika adalah milik seluruh dunia dan ia merupakan wilayah yang sama bagi semua bangsa di dunia.

"Kita berhak pergi ke sana dan kita berhajat satu hari nanti kita akan menghantar ekspedisi kita untuk membuat kajian saintifik di situ," tegas Perdana Menteri dengan mendapat tepukan gemuruh ketika melancarkan ekspedisi kayak menjelajah pantai Malaysia peringkat ke tujuh dan ke lapan sempena Hari Wilayah Persekutuan.

Menurut beliau, langkah - langkah awal telah diambil dan sudah tentu ekspedisi kayak ini merupakan langkah awalan dalam membentuk rakyat Malaysia menghadapi cabaran seperti menghadapi keadaan iklim sejuk di Antartika. Katanya, rombongan penjelajahan ini tidak memerlukan kemudahan yang mahal, tetapi

kerajaan akan menyokong sebarang usaha ke arah ini dengan bantuan dari sektor swasta yang berminat.

"Saya yakin dengan semangat yang gigih, yang akan dibentuk melalui latihan - latihan seperti mengayuh kayak, mendaki gunung, merentas jalan dan sebagainya, maka kita akan lebih menjadi gigih untuk menghadapi cabaran di Antartika," tambahnya. Dua rakyat Malaysia, Penasihat Sains di Jabatan

LIHAT MUKA 6

MALAYSIA BERAZAM JELAJAH ANTARTIKA

UM 1 FEB 1988

Perdana Menteri, Profesor Dr. Omar Abdul Rahman dan wakil tetap Malaysia ke Bangsa - Bangsa Bersatu ketika itu, Tan Sri Zain Azrai pernah dijemput bersama 60 orang dari 25 buah negara melawat Antartika pada tahun 1985.

Malaysia telah beberapa kali dalam kempennya untuk memecahkan monopoli terhadap Antartika oleh 17 buah negara dan membuka jalan untuk penglibatan Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beliau bangga sekiranya satu hari nanti

anak watan negara dapat menjejakkan kakinya ke Antartika.

Mengenai ekspedisi kayak pula, beliau mengaku bahawa ini merupakan lapangan sukan yang diminatinya kerana ia berupaya membentuk karektor manusia bagi menghadapi sebarang cabaran.

Perdana Menteri menarik perhatian, sekiranya seseorang itu tidak mampu menghadapi masalah dan bahaya, dia akan menjadi manusia yang lemah yang selalu bergantung kepada pihak lain.

"Kita ingin melihat bangsa Malaysia menjadi satu

bangsa yang sanggup menghadapi cabaran, kesabaran mental dan fizikal yang selalu dihadapi oleh masyarakat dunia," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir, berpendapat bahawa bidang penjelajahan ini juga dapat membantu seseorang itu mengenali alam semulajadi negaranya.

Beliau percaya penglibatan semua kaum dalam bidang ini akan membantu mengeratkan kerjasama kaum di negara ini dan mengikiskan pemikiran buruk yang boleh menyakiti pihak lain.